

17/12/1998

KDNK diketahui akhir Februari

Lichong Angkui

PERANGKAAAN sebenar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sepanjang tahun ini dijangka diperolehi pada akhir Februari atau awal Mac depan.

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamed (gambar), sehubungan itu mengesahkan Bank Negara Malaysia akan menyemak semula unjuran pertumbuhan KDNK dengan mengambil kira prestasi ekonomi suku ketiga tahun ini.

Sehingga kini, perangkaan yang diperolehi adalah pertumbuhan setakat September tahun ini.

"Justeru kita tunggu perangkaan untuk Oktober, November dan Disember."

"Ia akan diketahui pada akhir Februari atau awal Mac," katanya ketika ditemui pemberita selepas menghadiri perjumpaan Pemimpin Bersama Rakyat di Dewan Masyarakat Bongawan, kira-kira 70 kilometer dari Kota Kinabalu, Sabah, petang semalam.

Kelmarin di Hanoi, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata KDNK Malaysia dijangka menguncup enam peratus atau lebih tahun ini.

Unjuran rasmi kerajaan sebelum ini ialah KDNK menguncup 4.8 peratus tahun ini.

Mustapa berkata: "KDNK pasti akan disemak oleh Bank Negara."

"Dahulu kita menjangka 4.8 peratus pengucupan dalam pertumbuhan ekonomi negara."

"Kita perlu semak kerana tiga bulan sebelum ini iaitu suku ketiga tahun ini ekonomi menguncup 8.6 peratus."

Bagaimanapun, katanya, perangkaan rasmi mengenainya hanya diketahui pada akhir Februari atau awal Mac depan.

(END)